

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

Penggunaan Edisi Terkini Standard Program: Seni Persembahan

[Pekeliling MQA Bil. 4/2025 bertarikh 26 Mac 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. Standard Program: Seni Persembahan telah dibangunkan oleh MQA dan penggunaan akan berkuat kuasa pada 2 April 2026.
- ii. MQA telah melaksanakan kajian semula Standard Program: Seni Persembahan berdasarkan input yang diterima daripada pihak berkepentingan, disemak serta ditambah baik oleh panel pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan industri agar selaras dengan perkembangan semasa pendidikan tinggi pada peringkat nasional dan antarabangsa.
- iii. Kajian semula standard program dibuat berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia berdasarkan Kod Amalan MQA serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua 2024.
- iv. Dokumen ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program berkaitan seni persembahan.
- v. Dokumen Standard Program: Seni Persembahan akan berkuat kuasa pada 2 April 2026 boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vi. Fakulti Fakulti Ekologi Manusia atau PTJ lain yang menawarkan program major-minor dalam bidang pengajian seni persembahan perlu merujuk kepada standard program ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini mengikut ketetapan MQA seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	2 April 2025 - 1 April 2026	<p>Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kohort pelajar yang diambil selepas transisi tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu dalam standard program. ii. Kohort pelajar yang sedang berada dalam sistem boleh mengguna pakai kurikulum sedia ada seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar. 	<p>Selepas 1 April 2026 adalah kemasukan Semester Pertama 2026/2027.</p> <p>Kemasukan sebelum 1 April 2026 iaitu Semester Kedua 2025/2026 dan sebelumnya boleh menggunakan kurikulum sedia ada.</p>
2.	2 Oktober 2025	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.	Pengambilan pelajar bagi kemasukan mulai Semester Pertama 2026/2027 perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	2 Oktober 2025	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.	Cadangan penawaran program baharu bermula 2 April 2026 perlu mematuhi standard program terkini.

Disediakan oleh:
 Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
 Universiti Putra Malaysia
 4 Jun 2025